

ZULKIFLI ZAINUDIN
lwn.
LT CONSTRUCTION SDN BHD

Mahkamah Perusahaan, Johor
Sapini Mat Saman
Award No: 1968 Tahun 2013 [Kes No: 20(29)(16)(29)/4-98/09]
16 Disember 2013

Pembuangan Kerja: Pekerja dalam percubaan — Salah laku — Tingkah laku yang tidak baik — Syarikat memutuskan untuk tidak melanjutkan tempoh percubaan pihak menuntut setelah beliau didapati melakukan salah laku — Pihak menuntut tidak berpuas hati terhadap penamatan perkhidmatannya — Sama ada pembuangan kerja tanpa sebab dan alasan yang adil

Pihak menuntut merupakan seorang 'Mechanical & Electrical Site Supervisor' di syarikat responden. Pada masa yang material, pihak menuntut masih dalam tempoh percubaan. Pengurus syarikat telah menyatakan bahawa prestasi kerja pihak menuntut tidak baik. Beliau juga sering datang lewat dan malas serta telah melakukan salah laku dengan menerima wang dari pembekal barangan syarikat dan meminta layanannya untuk berhibur di pusat hiburan. Maka, syarikat memutuskan untuk tidak melanjutkan tempoh percubaan pihak menuntut. Pihak menuntut telah menafikan tuduhan-tuduhan yang dikenakan keatasnya oleh syarikat. Beliau tidak berpuas hati terhadap penamatan perkhidmatannya dan mendakwa bahawa ia telah dilakukan tanpa sebab dan alasan yang adil

Diputuskan (menolak tuntutan yang menuntut):

(1) Pihak menuntut telah ditamatkan perkhidmatan sewaktu perkhidmatan beliau dalam tempoh percubaan. Salah laku yang menuntut telah disahkan oleh pembekal berkenaan yang telah memberi keterangan bahawa beliau berurusan membekal barang kepada syarikat melalui pihak menuntut dan sebagai balasannya beliau akan memberi wang dan membelanja pihak menuntut untuk pergi ke tempat hiburan. Pihak menuntut mengaku mengenali pembekal dan mengaku ada berhibur bersamanya. (perenggan 10)

(2) Syarikat tidak menjalankan siasatan dalaman terhadap pihak menuntut tetapi berdasarkan laporan yang disampaikan oleh pembekal berserta rakaman suara perbualan pihak menuntut dengan pembekal dan gambar-gambar yang diambil oleh pembekal, ia memberi satu kepercayaan yang munasabah bahawa pihak menuntut telah melakukan satu salah laku. Kewajaran syarikat tidak mengesahkan jawatan pihak menuntut dan menamatkan perkhidmatannya adalah berdasarkan alasan-alasan yang munasabah. Lebih-lebih lagi apabila pihak menuntut adalah pekerja dalam tempoh percubaan dan sepatutnya menunjukkan tingkah laku yang baik terhadap syarikat. (perenggan 11)



(3) Syarikat mempunyai alasan dan sebab yang adil untuk menamatkan perkhidmatan pihak menuntut. Pembelaan pihak menuntut pula hanya penafian semata-mata dan tidak berjaya mematahkan keterangan pembekal. (perenggan 12)

Case Commentaries

- Employees hired on probation enjoy only limited security of tenure. They have the right to claim reinstatement under s 20 of the Industrial Relations Act 1967 if they believe they have been dismissed without just cause or excuse. If the reason for the termination of a probationer's service is non-confirmation in his position, the Industrial Court will examine the reasons for the non-confirmation to ensure that they are *bona fide*.
- In most awards relating to probationers, employers are expected to follow a fair procedure before deciding not to confirm the employee. There should be a formal appraisal by the supervisor of the employee; warnings should be issued where needed and the employee should be assisted to achieve the standards of performance required by the employer. If he commits misconduct, a thorough investigation should be conducted, similar to when any allegation of misconduct is made, before the employer decides not to confirm the employee.
- Typically, if a probationer is not confirmed and he files a claim for reinstatement, the Industrial Court will require the employer to provide evidence of the poor performance and misconduct of the employee.

Kes-kes yang dirujuk:

KC Mathews v Kumpulan Guthrie Sdn Bhd [1981] 1 MLRA 77 (dirujuk)

Kaunsel:

Bagi pihak menuntut: A Sivananthan, Kongress Kesatuan Sekerja Malaysia

Bagi pihak responden: Tan Hee Soon, Tetuan Tan Hee Soon, Wong & Partners

AWARD

Sapini Mat Saman:

Fakta Kes

[1] Pihak menuntut dilantik sebagai Mechanical & Electrical Site Supervisor di syarikat responden pada 7 Mei 2007 secara probation dan dibayar gaji sebanyak RM2,500.00 serta elaun bulanan sebanyak RM500.00 untuk tempoh tiga bulan. Pada 7 November 2007, pihak menuntut telah ditamatkan perkhidmatan melalui surat bertarikh 6 November 2007 (sila rujuk ms 7 di CLB)

Our Ref: LI/IHB-HBK/081/07

Date: 6 November 2007

Mr Zulkifli bin Zainudin



No 174 Blok 8 Felda Kledang 81900 Kota Tinggi
Johor.

Dear Mr Zulkifli Bin Zainudin,

TERMINATION

We refer to your letter of appointment dated 4 April 07.

Pursuant to cl 15 1 of the said letter, we wish to inform you that your employment with our company is hereby terminated with effect for 7 November 2007

Kindly return all company properties to the undersigned before collecting the balance of money due to you

Yours faithfully
LT CONSTRUCTION SDN BHD

t.t
KHAIRUL FAUZI BIN ASH CONSTRUCTION MANAGER

Pihak menuntut tidak berpuas hati terhadap penamatan perkhidmatan beliau atas alasan tanpa sebab dan alasan yang adil.

Kes Pihak Responden

[2] Pihak responden telah mengemukakan seramai dua orang saksi iaitu:

COW1 - Edwin Tan Pei Seng (Pengurus Syarikat)

COW2 - Ooi Cheap Joo (Syarikal Pembekal)

COW1 telah memberi keterangan melalui pernyataan saksi dan keterangan bersumpah di mahkamah COW1 menyatakan bahawa pihak menuntut telah dilantik sebagai Mechanical & Electrical Site Supervisor bermula 7 Mei 2007 secara probation untuk tempoh tiga bulan dan dibayar gaji sebanyak RM2,500 00 sebulan. Rujuk ms 1-5 di COB Tugas harian pihak menuntut ialah menyelia bahan pembinaan dan membeli bahan pembinaan COW1 menyatakan bahawa prestasi kerja pihak menuntut kurang baik kerana malas, lambat dan sentiasa datang lewat bekerja. Walaupun tempoh percubaan tiga bulan telah tamat, pihak menuntut tidak disahkan dalam jawatan kerana prestasi kerja pihak menuntut tidak memuaskan.

[3] COW1 juga mendakwa bahawa pihak menuntut mempunyai salah laku iaitu tidak jujur, meminta wang dan perempuan dari pembekal. COW1 juga menyatakan beliau mempunyai bukti berhubung rakaman percakapan pihak menuntut dan pembekal bernama Wilson Ooi berhubung salah laku itu dan boleh menunjukkan di mahkamah. Pihak menuntut juga didakwa menerima wang daripada pembekal dan perempuan untuk berhibur. COW1 menyatakan pihak syarikat telah menamatkan perkhidmatan pihak menuntut dengan memberi satu hari notis berdasarkan surat 6 November 2007 dan diterima oleh pihak menuntut pada 7 November 2007 (sila rujuk ms 7 di COB). Pihak

menuntut telah menerima bayaran sebanyak RM1,354.75 tanpa sebarang bantahan.

[4] COW2 iaitu seorang saksi sapina telah memberi keterangan di mahkamah bahawa beliau merupakan seorang pembekal barang-barang elektrik dan water proof. Pada tahun 2007, COW2 menyatakan syarikat beliau ada menjalankan urusan membekal kepada pihak responden. COW2 menyatakan beliau ada berjumpa dengan pihak menuntut, Encik Fozi dan Miss Ho sewaktu beliau berurusan dengan syarikat responden. COW2 kata beliau ada memberi quotation dan hantar barang sama ada melalui verbal atau purchase order. COW2 menyatakan bahawa pihak menuntut ada pinjam wang dari beliau dan minta beliau belanja minum pada waktu malam dan jika pihak menuntut tidak bayar, COW2 anggap itu sebagai komisyen.

[5] COW2 menyatakan beliau ada merakam perbualan telefon antara beliau dengan pihak menuntut dan rakaman perbualan itu ada pada beliau. COW2 menyatakan pihak menuntut turut meminta diberikan perempuan dan tempat beliau selalu berhibur ialah di spa. COW2 juga memiliki gambar-gambar sewaktu beliau berhibur bersama pihak menuntut. Tujuan beliau belanja pihak menuntut ialah untuk mendapatkan kontrak daripada syarikat responden. COW2 telah menunjukkan gambar-gambar tersebut iaitu sewaktu berhibur bersama pihak menuntut. COW2 menyatakan beliau memaklumkan perkara itu kepada COW1 berhubung tingkah laku pihak menuntut dan COW2 tidak ada membuat laporan polis kerana menganggap pihak menuntut adalah rakan beliau.

Kes Pihak Menuntut

[6] Pihak menuntut telah mengemukakan pernyataan saksi sebagai keterangan beliau di mahkamah. Pihak menuntut menyatakan tugas beliau sebagai Penyelia Tapak Mekanikal dan Elektrik. Beliau mula bekerja di syarikat responden pada 7 Mei 2007 dan dibayar gaji sebanyak RM3,000.00 sebulan termasuk elaun untuk tempoh percubaan selama tiga bulan. Sewaktu ditamatkan perkhidmatan, beliau tidak disahkan dalam jawatan. Pihak menuntut menyatakan tugas beliau ialah merekod kedatangan pekerja, memberi taklimat keselamatan dan kerja-kerja elektrikal kepada pekerja, mengkaji pelan-pelan ID drawing, mengawasi pekerja-pekerja di tapak binaan, membuat senarai pesanan barang-barang elektrikal untuk tapak binaan kepada Pengurus Tapak Binaan dan menghantar laporan harian projek.

[7] Pihak menuntut menafikan beliau terlibat dengan pembekal barang-barangan kerana pesanan barang dibuat melalui Pengurus Tapak Binaan kerana ini merupakan satu prosedur. Pihak menuntut mendakwa beliau tidak ada menerima apa-apa bayaran daripada pembekal. Pihak menuntut juga menyatakan sepanjang beliau bekerja tidak pernah terima surat amaran berkaitan prestasi kerja beliau. Pihak menuntut menyatakan beliau bertanggungjawab kepada Pengurus Tapak Encik Khairul Fauzi dan menafikan selalu datang lewat kerja. Pihak menuntut bersetuju mengenali COW2 dan

pernah keluar malam berhibur dengan COW2 yang dianggap sebagai kawan. Walau bagaimanapun, pihak menuntut menafikan ada meminta duit serta perempuan daripada COW2. Pihak menuntut menyatakan beliau tidak ada buat pesanan barang-barangan daripada COW2 tetapi Pengurus Projek dan Miss Ho yang buat pesanan barang dari COW2.

Penilaian Keterangan Dan Undang-Undang

[8] Mahkamah telah meneliti keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pihak menuntut dan pihak responden serta hujahan bertulis kedua-dua pihak. Pihak menuntut merupakan seorang pekerja probationer hingga beliau ditamatkan pekerjaannya oleh pihak responden. Rujuk kes *KC Mathews v Kumpulan Guthrie Sdn Bhd* [1981] 1 MLRA 77, Raja Azlan Shah CJ ketika itu menyatakan:

“This contention is, in our opinion wholly unsound. There can, in our opinion, be no doubt about the position in law that an employee appointed on probation for six months continues as a probationer even after the period of six months if that the end of the period his services had either not been terminated or he is confirmed. It appears clear to us that without anything more an appointment on probation for six months gives the employer no right to terminate the service of an employee before six months had expired—except on the ground of misconduct or other sufficient reasons in which case even the services of a permanent employee could be terminated. At the end of the six months period the employer can either confirm him or terminate his services, because his service is found unsatisfactory. If no action is taken by the employer either by way of confirmation or by way of termination the employee continues to be in service as a probationer.”

[9] Berdasarkan surat penamatan kerja pihak menuntut bertarikh 6 November 2007 (rujuk ms 7 di CLB) daripada syarikat responden ialah:

“Pursuant to cl 15.1 of the said letter, we wish to inform you that your employment with our company is hereby terminated with effect for 7 November 2007”

Rujuk CLB ms 1 hingga 5 cl 15.

15.1 During your probationary period, your employment may be terminated by either party by giving the other one day's written notice or corresponding salary *in lieu thereof*”.

[10] Berdasarkan klausa di atas pihak menuntut telah ditamatkan perkhidmatan sewaktu perkhidmatan beliau dalam tempoh percubaan. COW1 menyatakan oleh kerana prestasi kerja pihak menuntut tidak baik kerana selalu datang lewat dan malas serta beliau telah melakukan salah laku dengan menerima wang dari pembekal iaitu COW2 dan meminta layanan untuk berhibur di pusat hiburan menyebabkan pihak responden tidak melanjutkan tempoh percubaan pihak menuntut. Keterangan di atas disahkan oleh COW2 yang memberi keterangan di mahkamah bahawa beliau berurusan membekal barang kepada syarikat

responden melalui pihak menuntut dan sebagai balasannya COW2 memberi wang dan membelanja pihak menuntut untuk pergi ke tempat hiburan. Pihak menuntut mengaku mengenali COW2 dan mengaku ada berhibur bersama COW2. Tetapi pihak menuntut menafikan bahawa beliau ada menerima wang daripada COW2 dan berhibur bersama perempuan seperti dikatakan oleh COW2.

[11] COW1 setuju pihak responden tidak menjalankan siasatan dalaman terhadap pihak menuntut tetapi berdasarkan laporan yang disampaikan oleh COW2 berserta rakaman suara perbualan pihak menuntut dengan COW2 dan gambar-gambar yang diambil oleh COW2 memberi satu kepercayaan yang munasabah bahawa pihak menuntut telah melakukan satu salah laku. Kewajaran pihak responden tidak mengesahkan jawatan pihak menuntut dan menamatkan perkhidmatan pihak menuntut berdasarkan alasan-alasan yang munasabah lebih-lebih lagi pihak menuntut adalah pekerja probationer dan sepatutnya menunjukkan tingkah laku yang baik terhadap syarikat.

[12] Mahkamah telah meneliti keterangan-keterangan pihak responden dan berdasarkan keseimbangan kebarangkalian mahkamah memutuskan pihak responden mempunyai alasan dan sebab yang adil untuk menamatkan perkhidmatan pihak menuntut. Keterangan pihak menuntut hanya penafian semata-mata tidak berjaya mematahkan keterangan COW2 iaitu seorang pembekal kepada syarikat responden. Oleh itu, mahkamah memutuskan kes pihak menuntut ditolak.

